

Asia Pasifik perlu tegas — Mahathir

Oleh SITI HATIJA YUSOF
dan P. BALA KUMAR

KUALA LUMPUR 28 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, negara-negara rantau Asia Pasifik harus mengamalkan pendekatan pembangunan bertanggungjawab dengan lebih bersungguh-sungguh dan tidak tunduk kepada tekanan aktivis alam sekitar serta kumpulan pendesak ekonomi.

Perdana Menteri berkata, negara-negara di rantau ini perlu mengenal pasti matlamat pembangunan kebangsaan dan serantau mengikut kepentingan dan kemampuan masing-masing bagi mengekalkan pembangunan ekonomi berterusan.

“Pembangunan ekonomi yang berkekalan melalui pembangunan yang bertanggungjawab tidak semestinya merujuk kepada isu yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar semata-mata.

“Ia juga harus meliputi elemen-elemen lain seperti keadilan sosial, hak untuk membangun serta kekayaan dan (pewujudan) masyara-

kat antarabangsa yang saksama,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa menyampaikan ucapan dasarnya dan merasmikan Mesyuarat Kerjasama dan Pembangunan Serantau di Asia Pasifik anjuran Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) di sini, hari ini.

Mesyuarat tiga hari itu dihadiri oleh kira-kira 200 peserta daripada 50 negara dari seluruh dunia.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun negara-negara di rantau Asia Pasifik berjaya meningkatkan kerjasamanya tetapi masih terdedah kepada pelbagai sekatan berkumpulan yang dikenakan oleh negara-negara maju semata-mata untuk menyekat kemajuan ekonomi negara membangun.

Kata Dr. Mahathir, tindakan tidak bertanggungjawab negara maju itu boleh diperhatikan apabila mereka lebih suka mengaitkan perdagangan dengan isu-isu alam sekitar, upah minimum dan hak asasi manusia.

■ Lihat muka 2

Asia Pasifik perlu tegas — PM

“Apa yang lebih membimbangkan ialah tindakan sedemikian menjejaskan persaingan negara membangun (dalam pasaran antarabangsa),” katanya.

Perdana Menteri berkata, negara-negara maju ini lebih berminat untuk menaikkan kos melalui tindakan itu daripada melihat rakyat dan pekerja di negara membangun bebas mengejar kemajuan di samping alam sekitarnya terpelihara.

Malah, katanya, ketika mereka membangun dahulu, mereka juga melakukan pelbagai eksploitasi terhadap rakyat dan alam sekitar melebihi daripada apa yang dilakukan oleh negara membangun pada masa sekarang.

“Kepada kita yang pernah dijajah harus ingat bagaimana negara-negara maju ini mengeksploitasi rakyat dan hutan kita sepenuhnya untuk menjadikannya sebagai kawasan perladangan dan perlombongan,” katanya.

Selain itu, Dr. Mahathir berkata, sementara penekanan diberikan kepada penerokaan sumber asli se-

cara produktif dan memastikan pencemaran tidak menggugat pertumbuhan ekonomi, negara-negara rantau ini juga harus memberi layanan yang adil serta hak bersuara kepada rakyat dalam setiap keputusan yang dibuat dalam menentukan nasib mereka.

Dalam hal ini, Perdana Menteri menegaskan, institusi-institusi pembangunan antarabangsa tidak seharusnya melihat isu bantuan kepada negara membangun secara condong seperti yang diinginkan oleh ‘pakar-pakar Barat’.

“Sebaliknya mereka seharusnya mengambil pendekatan bersama dengan negara-negara membangun. Pada kita konsep pembangunan bertanggungjawab adalah dengan memberi harapan (kepada rakyat) ke arah masa depan yang lebih baik,” tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, negara-negara maju tidak harus mengambil kesempatan daripada kelebihan yang mereka miliki untuk menekan negara-negara membangun yang masih berada dalam keada-

an serba kekurangan dan mengakibatkan dunia terbahagi kepada utara dan selatan.

Dr. Mahathir berpendapat apabila dunia dipenuhi negara-negara yang mempunyai tahap pembangunan yang sama, masing-masing akan menerokai sumber mengikut kelebihan yang dimiliki seperti pengetahuan, sumber asli, tenaga kerja, perdagangan dan bersaing secara adil.

“Ia jauh lebih baik daripada membahagikan dunia kepada utara dan selatan, kaya dan miskin, membangun dan maju, berkuasa dan lemah serta blok perdagangan.

“Ini mungkin berbunyi terlalu idealistik. Tetapi kemanusiaan tanpa idealistik tentunya akan mengakibatkan berakhirnya sejarah tamadun (dunia),” kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menjelaskan, negara-negara di rantau ini perlu merangka matlamat berdasarkan pembangunan menyeluruh bagi memastikan semua rakyat mendapat kesejahteraan yang adil.